

08 AUG 2000

Azhar>Nama

USAHA CIPTA NAMA TIDAK BERMAKNA TANPA SEMANGAT PATRIOTIK -- AZHAR

Oleh: Noor Hammad Wariman

LANGKAWI, 8 Ogos (Bernama) -- Sebarang usaha untuk mencipta nama tidak akan membawa apa-apa makna jika tidak disuntik dengan semangat cintakan negara, kata pelayar solo negara Datuk Azhar Mansor.

"Jika kerana hendak pecah rekod atau mencipta nama, ia tidak cukup kerana setiap usaha perlu disertai dengan keikhlasan dan kesungguhan supaya sampai ke tahap perjuangan", katanya dalam temubual dengan Bernama di sini sempena ulang tahun pertama kejayaan pelayaran solo beliau mengelilingi dunia atau Cabaran Jalur Gemilang pada 11 Ogos.

Dr Mahathir dijadualkan merasmikan sambutan ulang tahun itu dan melancarkan portal internet yang didedikasikan khusus untuk generasi muda oleh Azhar bertujuan membuka minda mereka mengenai peranan dan cabaran yang perlu ditempuhi dalam alaf baru.

Dokumentari khas mengenai pelayarannya juga akan disiarkan secara langsung melalui televisyen pada malam itu.

Azhar memulakan pelayaran bersejarah itu pada 2 Feb 1999 dan selamat pulang pada 11 Ogos tahun yang sama selepas belayar sejauh lebih 21,000 batu nautika dengan kapal layar Jalur Gemilang.

Majlis Rekod Kelajuan Pelayaran Dunia, sebuah badan antarabangsa yang berpejabat di United Kingdom telah mengeluarkan sijil pengesahan bagi rekod yang dibuat Azhar pada 1 Feb lepas iaitu pelayaran mengelilingi dunia secara solo, dibantu (berhenti-henti), menuju ke Timur.

Azhar juga berharap lebih banyak orang lain mampu menunjukkan kepada dunia bahawa rakyat Malaysia boleh membuat pelbagai usaha yang bertaraf antarabangsa dan mencapai kecemerlangan.

Bagaimanapun, katanya, mereka mesti mempunyai perancangan dan membuat persediaan tertentu yang mesti disertai dengan keikhlasan dan kesungguhan.

"Dengan kesungguhan dan keikhlasan barulah ia menjadi perjuangan dan apabila jatuh ke tahap perjuangan, usaha itu tetap akan tercapai cuma masa akan menentukan," katanya.

Katanya kelemahan yang ada di kalangan generasi muda sekarang ialah mereka kurang jelas mengenai peranan dalam hidup, masyarakat dan negara dan mereka perlu dibimbing.

Sementara itu, Azhar berkata bebanan tanggungjawabnya bertambah setiap kali nama beliau disebut oleh pimpinan negara ini.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyebut nama beliau bertujuan bagi menyuntik semangat yang diperlukan bagi membina jatidiri dan memupuk semangat kenegaraan di kalangan rakyat negara ini.

Azhar berkata ia merupakan satu penghormatan kepadanya dan beliau tidak menyalahgunakan penghargaan itu.

"Cuma bagi saya setiap orang yang saya jumpa dan bersalaman dan setiap kali nama saya disebut, ini bermakna tambahlah lagi tanggungjawab saya, bukan menambah populariti saya," katanya

Sebab itu, katanya, beliau selalu menekankan kalau boleh jangan menggunakan namanya tetapi Cabaran Jalur Gemilang bagi mengelakkan salah anggap.

Azhar berkata sekiranya orang tertentu menyebut namanya, ini bukan bertujuan untuk mempopularkan beliau tetapi menunjukkan mereka sayang kepada semangat dan perjuangan yang cuba disampaikannya.

"Barangkali kalau nak cerita lama-lama generasi muda akan anggap itu satu legenda, dan satu legenda yang ada masih hidup itu barangkali saya. Jadi kalau nama saya disebut barangkali senang absorb kerana dalam alaf baru, generasi sekarang kenal pada seseorang, barangkali saya, yang telah tunjuk perjuangan jatidiri," katanya.

Katanya usaha beliau berkongsi maklumat dengan pelbagai golongan masyarakat yang diadakan selepas kejayaan pelayarannya bukan kerana

inginkan glamour tetapi kerana rasa tanggungjawab sebagai warganegara
Malaysia.

-- BERNAMA

NH NMO